



IKLAN PEMBELIAN PERKHIDMATAN DOKTOR PAKAR SWASTA DAN DOKTOR SWASTA SECARA KONTRAK UNTUK PERKHIDMATAN (*CONTRACT FOR SERVICE – CFS*) BAGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DALAM TEMPOH PENULARAN WABAK COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan ini mempelawa **Warganegara Malaysia yang terdiri daripada Pengamal Perubatan Berdaftar (Doktor Swasta dan Doktor Pakar Swasta)** yang berminat dan memenuhi syarat untuk dilantik secara *Contract for Service (CFS)** bagi membantu KKM untuk memberi perkhidmatan kesihatan dalam menangani wabak COVID-19. Bayaran perkhidmatan bagi pelantikan secara CFS ini adalah sebagai penghargaan kepada khidmat bakti yang diberikan. Syarat-syarat pengambilan CFS adalah seperti berikut:

I. JAWATAN

BIL	JAWATAN	TEMPOH KONTRAK	BAYARAN PERKHIDMATAN
(a)	Doktor Pakar Swasta	Enam (6) bulan	RM 12,000 sebulan atau RM400 sehari
(b)	Doktor Swasta	Tiga (3) bulan	RM6,000 sebulan atau RM200 sehari

II. SYARAT & KRITERIA PENGAMBILAN

BIL.	PERKARA	SYARAT & KRITERIA
(a)	Warganegara	Warganegara Malaysia sahaja.
(b)	Umur	Umur hendaklah tidak melebihi 65 tahun untuk Doktor Pakar Swasta dan 60 tahun untuk Doktor Swasta semasa dilantik.
(c)	Kelayakan Akademik	Memiliki kelulusan akademik mengikut skim perkhidmatan dan profesion masing-masing termasuk ijazah kepakaran (bagi Doktor Pakar Swasta).

BIL.	PERKARA	SYARAT & KRITERIA
(d)	Pendaftaran Dengan Badan Profesional	<p><u>Doktor Pakar Swasta</u> Mempunyai Perakuan Amalan Tahunan semasa yang sah dan berdaftar sebagai Pakar Perubatan dengan National Specialist Register (NSR);</p> <p><u>Doktor Swasta</u> Mempunyai Perakuan Amalan Tahunan semasa yang sah dan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.</p>
(e)	Pengalaman	<p><u>Doktor Pakar Swasta</u> Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pakar Perubatan.</p> <p><u>Doktor Swasta</u> Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya empat (4) tahun sebagai Pegawai Perubatan.</p>
(f)	Kesihatan	Mempunyai tahap kesihatan yang baik dan tidak dikategorikan dalam kumpulan berisiko tinggi.
(g)	Penempatan	Penempatan di fasiliti KKM berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan, bidang kepakaran dan lokaliti mengikut negeri .
(h)	Skop Tugas	Memberi perkhidmatan kepakaran rawatan/ kesihatan di fasiliti-fasiliti KKM bagi doktor pakar swasta dan memberi perkhidmatan rawatan/ kesihatan bagi doktor swasta.
(i)	Waktu Bekerja	<p>Waktu bekerja harian bagi Doktor Swasta adalah tertakluk kepada waktu bekerja biasa, iaitu 9 jam sehari termasuk waktu rehat. Manakala waktu bekerja harian bagi Pakar Swasta akan ditentukan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>Doktor Pakar Swasta/ Doktor Swasta boleh dibenarkan untuk bekerja secara harian dan dibayar gaji harian dengan kelulusan Ketua Jabatan. Pakar Swasta yang bekerja tidak kurang 20 hari layak diberi gaji bulanan.</p>
(j)	Tatakelakuan	Mempunyai tatakelakuan yang baik .
(k)	Pelepasan Bertugas	<p>i. Doktor Pakar : Tujuh (7) hari dalam tempoh Swasta enam (6) bulan</p> <p>ii. Doktor Swasta : Empat (4) hari dalam tempoh tiga (3) bulan</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi Doktor Pakar Swasta/ Doktor Swasta yang bekerja secara harian, tidak layak mendapat</p>

BIL.	PERKARA	SYARAT & KRITERIA
		pelepasan bertugas.
(l)	Pelepasan Bertugas Kerana Sakit	<p>i. Doktor Pakar : Lima (5) hari dalam tempoh enam (6) bulan</p> <p>ii. Doktor Swasta : Tiga (3) hari dalam tempoh tiga (3) bulan</p> <p>(Sijil Cuti Sakit disertakan)</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi Doktor Pakar Swasta/ Doktor Swasta yang bekerja secara harian, Pelepasan Bertugas Kerana Sakit adalah tidak terpakai.</p>
(m)	Kemudahan Perubatan	<p>a. Kemudahan rawatan perubatan dan pergigian di hospital/ klinik Kerajaan untuk diri pegawai sahaja;</p> <p>b. Kelayakan wad mengikut gred setara 54 (bagi Doktor Pakar Swasta) dan gred 48 (bagi Doktor Swasta)</p> <p>c. Pegawai tidak layak mendapat rawatan perubatan di hospital/klinik swasta, Institut Jantung Negara, rawatan perubatan di luar negara dan alat perubatan selain daripada yang dibekalkan oleh hospital/ klinik Kerajaan.</p>
(n)	Penamatan Perkhidmatan	<p>Pihak Kerajaan atau calon boleh menamatkan perkhidmatan kontrak ini dengan memberi tujuh (7) hari notis ataupun membayar tujuh (7) hari gaji sebagai ganti notis.</p> <p>Walau bagaimanapun Kerajaan berhak menamatkan perkhidmatan pegawai serta merta sekiranya pegawai didapati tidak kompeten, tidak sihat, tatakelakuan yang tidak baik, atau atas apa-apa sebab yang difikirkan wajar oleh kementerian / Jabatan tanpa sebarang notis.</p>
(o)	Elaun dan Kemudahan	Calon tidak layak menerima sebarang elaun (termasuk elaun COVID-19 atau elaun on-call) atau kemudahan selain daripada yang ditetapkan melalui tawaran ini.

III. CARA MEMOHON

- a) Pegawai yang berminat dan memenuhi syarat boleh mengemukakan permohonan secara atas talian melalui pautan berikut:
<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeJXrV5bLnDKYh698pg-RPsV04iunGdbGcYjC289cqyxzEOoQ/viewform> ;
- b) Bilangan pengambilan adalah terhad dan tawaran akan dibuat berdasarkan keperluan perkhidmatan;
- c) Pegawai hendaklah memberi maklumat yang **lengkap, tepat dan benar** dalam borang permohonan;
- d) Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, tidak lengkap, tidak benar dan diterima selepas tarikh tutup **tidak akan dipertimbangkan**;

IV. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- a) Tarikh tutup bagi permohonan adalah pada **27 April 2020 jam 5.00 petang**. Sebarang permohonan atau perubahan selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. **Keputusan pengambilan adalah muktamad**.
- b) Urusan pengambilan ini adalah bersifat **sementara** dan khusus untuk membantu KKM dalam menangani wabak COVID-19 sahaja. **Tiada urusan pelantikan tetap** akan ditawarkan kemudian.

V. TAWARAN

- a) Tawaran pelantikan dan arahan melapor diri ke Jabatan Kesihatan Negeri yang berkenaan bagi calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel;
- b) Sekiranya bersetuju, calon perlu melapor diri kepada Pengarah Kesihatan Negeri/ Ketua Fasiliti yang berkenaan pada tarikh kuat kuasa arahan dan menandatangani Surat Setuju Terima;
- c) Penempatan ke fasiliti kesihatan akan ditentukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri yang berkenaan;
- d) Sebarang pertanyaan, sila e-melkan kepada **cfscovid19@moh.gov.my**

(* **Nota:** CFS bermaksud kontrak **pembelian perkhidmatan** daripada individu dengan bayaran yang dipersetujui bagi skop kerja yang ditetapkan bagi satu tempoh tertentu. Pegawai CFS tidak dikategorikan sebagai penjawat awam)